

MAHATHIR - PERJANJIAN
(I)

1984

OLEH ABDUL RAHMAN SULAIMAN

PORT MORESBY, 7 OGOS (BERNAMA) -- MALAYSIA DAN PAPUA NEW GUINEA
HARI INI MENANDATANGANI PERJANJIAN KERJASAMA TEKNIKAL BAGI
MENGERATKAN LAGI HUBUNGAN DI ANTARA KEDUA-DUA BUAH NEGARA MEMBANGUN
ITU.

PERJANJIAN ITU DITANDATANGANI OLEH PERDANA MENTERI, DATUK SERI
DR. MAHATHIR MOHAMAD DAN RAKAN SEJAWATNYA DARI PAPUA NEW GUINEA,
ENCSK MICHAEL SOMARE DALAM SATU UPACARA RINGKAS DI BANGUNAN BARU
PARLIMEN DISINI, HANYA BEBERAPA JAM SEBELUM BANGUNAN BERHARGA \$70
JUTA ITU DIBUKA DENGAN RASMINYA OLEH PUTERA CHARLES DARI BRITAIN.

PERJANJIAN ITU, ANTARA LAIN, BERTUJUAN MENGESAHKAN SEMUA BENTUK
KERJASAMA DAN BANTUAN YANG DIBERIKAN OLEH MALAYSIA KEPADA PAPUA NEW
GUINEA PADA MASA INI.

IA MELIPUTI TIGA BIDANG LUAS, IAITU:--

+ PERTUKARAN PARA PAKAR RUNDING, PAKAR, JURUTEKNIK DAN
PELATIH-PELATIH,

+ KEMUDAHAN LATIHAN UNTUK PARA AKADEMIK DAN JURUTEKNIK, DAN

+ SEBARANG BENTUK KERJASAMA TEKNIK YANG AKAN DITENTUKAN OLEH
KEDUA-DUA BUAH NEGARA DARI MASA KE SEMASA.

DALAM UCAPANNYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA
GEMBIRA KERANA DAPAT MEMBERI BANTUAN KEPADA PAPUA NEW GUINEA DI
BAWAH PROGRAM KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA YANG DILANCARKAN DALAM
1980.

--LAGI

1 2 1 4 M S T 0 7 0 8 8 4

D128

Q B350 A A %

MAHATHIR - PERJANJIAN 2 PORT MORESBY

DENGAN TEMETERAINYA PERJANJIAN ITU, MALAYSIA BERHARAPAN WV JUD
HUBUNGAN YANG LEBIH ERAT DENGAN PAPUA NEW GUINEA.

+ SAYA MERASA OPTIMIS BAHAWA KITA AKAN DAPAT MELIHAT KERJASAMA
SEPERTI ITU MENINGKAT DALAM TAHUN-TAHUN AKAN DATANG.

+ SAYA TELAH MENGAMBIL PERHATIAN BEBERAPA BIDANG YANG KITA DAPAT
BEKERJASAMA PADA MASA AKAN DATANG, + TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT MALAYSIA JUGA AKAN MENYAMBUT BAIK
PENGALIRAN RAKYAT DI ANTARA KEDUA-DUA BUAH NEGARA ITU. SAMA ADA UNTUK
MELAWAT SATUSAMA LAIN ATAU BERKONGSI PENGALAMAN DAN KEMAMPUAN DALAM
BEBERAPA BIDANG.

BELIAU BEPENDAPAT BAHAWA HUBUNGAN ANTARA RAKYAT D A N RAKYAT LAH
YANG AKAN, LEBIH DARIPADA YANG LAIN, MEMBANTU MEWUJUDKAN KESEDARAN
D A N PERSEFAHAMAN YANG LEBIH LUAS DI ANTARA KEDUA-DUA BUAH NEGARA
ITU.

--LAGI

1 2 3 5 M S T 0 7 0 8 9 4

D141

R B360 AAB

MAHATHIR - PERJANJIAN 3 PORT MORESBY
DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYEBUT UNSUR-UNSUR PERSAMAAN YANG
MERAPATKAN KEDUA-DUA NEGARA ITU.

KATANYA, SEPERTI PAPUA NEW GUINEA, MALAYSIA JUGA YAKIN TENTANG
KERJASAMA SELATAN-SELATAN YANG PRAKTIS.

SEBAGAI SEBUAH NEGARA MEMBANGUN, MALAYSIA MASIH MENERIMA DAN
CUBA MENDAPATKAN BANTUAN EKONOMI DAN TEKNIK DALAM BEBERAPA BIDANG
DARI BERBAGAI-BAGAI SUMBER LUAR.

+ NAIUN DEMIKIAN, DIBAWAH SEMANCAT KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN
KAMI BERSEDIA BERKONGSI PENGALAMAN KAMI SERTA KEPAKARAN YANG TELAH
KAMI MAJUKAN DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU DENGAN NEGARA-NEGARA
MEMBANGUN YANG LAIN, + KATANYA MEMBERI IKRAR.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI MENEGASKAN KEPERLUAN NEGARA-NEGARA
MEMBANGUN YANG KECIL YANG MEMPUNYAI PANOANGAN SERUPA SUPAYA BERHUBUNG
LEBIH RAPAT DALAM KONTEKS KERJASAMA SELATAN-SELATAN. --LAGI

MAHATHIR - PERJANJIAN 4 PORT MORESBY

BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA SEPERTI MALAYSIA DAN PAPUA NEW
GUINEA BOLEH MEMPELAJARI DARI SATU SAMA LAIN UNTUK MELAHIRKAN
KETAHANAN NASIONAL SENDIRI.

INI ADALAH JELAS SEKALI KERANA KEDUA-DUA BUAH NEGARA MENYEDARI
KEPAHITANNYA BAHAWA BERGANTUNG SEMATA-MATA KEPADA NEGARA-NEGARA MAJU
TIDAK SEMESTINYA AKAN MEMBAWA KEBAHAGIAN KEPADA RAKYAT
MEREKA. -- BERNAMA